



**KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**  
**SURAT PEKELILING AGENSI PERSENDIRIAN**  
**BIL. 1 TAHUN 2007**

Semua Syarikat Kawalan Keselamatan

**ARAHAN MENGHADIRI KURSUS KEMAHIRAN PENGAWAL  
KESELAMATAN**

**TUJUAN**

1. Tujuan Surat Pekeling Agensi Persendirian Bil. 1/2007 ini adalah untuk memaklumkan kepada semua Syarikat Kawalan Keselamatan Persendirian mengenai arahan menghadiri kursus kemahiran bagi pengawal keselamatan.

**LATAR BELAKANG**

2. Kementerian dengan kerjasama Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM) telah mula menganjurkan kursus kemahiran pada tahun 2002 kepada jurulatih dan pengawal keselamatan.

3. Sehingga kini, seramai 43,344 orang pengawal keselamatan telah menghadiri pelbagai kursus kemahiran anjuran Akademi Keselamatan PPKKM dan juga syarikat kawalan keselamatan yang bertauliah.

4. Bagi meningkatkan kemahiran dan mutu industri kawalan keselamatan di samping memberi pengawal keselamatan peluang untuk membaiki diri dan membangunkan kerjaya (*career development*), Kementerian dengan kerjasama PPKKM telah

merangka beberapa kursus kemahiran baru yang mana sekaligus diharap dapat meningkatkan imej perkhidmatan pengawal keselamatan.

## **KURSUS-KURSUS KEMAHIRAN PENGAWAL KESELAMATAN**

5. Kursus-kursus berserta yuran yang telah diluluskan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri berdasarkan cadangan Akademi Keselamatan PPKKM adalah seperti berikut:

<b>Bil</b>	<b>Kursus</b>	<b>Tempoh</b>	<b>Yuran</b>
1.	Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 1	7 hari	RM700.00
2.	Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 2	7 hari	RM700.00
3.	Kursus Kemahiran Cash In Transit	4 hari	RM600.00
4.	Kursus Kemahiran Penyelia Keselamatan	5 hari	RM600.00
5.	Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal	3 hari	RM400.00

6. Kursus-kursus ini akan dijalankan di Akademi Keselamatan PPKKM di mana kemudahan penginapan dan makanan adalah disediakan.

## **SYARAT-SYARAT DAN PERATURAN KURSUS**

7. Syarat-syarat dan peraturan kursus adalah seperti berikut:

- 7.1 Kementerian hanya akan mengiktiraf kursus-kursus di atas yang dikendalikan oleh Akademi Keselamatan PPKKM dan cawangan-cawangan yang diluluskan oleh Kementerian.
- 7.2 Di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB) 2001, semua syarikat kawalan keselamatan dikehendaki mencarum dengan PSMB dan Kementerian akan menjadikan caruman dengan PSMB sebagai syarat pembaharuan lesen syarikat kawalan keselamatan. Syarikat kawalan keselamatan dikehendaki

mengemukakan penyata caruman PSMB kepada Kementerian semasa permohonan pembaharuan lesen.

- 7.3 Bayaran kursus-kursus berikut boleh didebit dari akaun levi caruman PSMB syarikat kecuali Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal.
  - 7.4 Pengawal keselamatan perlu menjalani dan lulus tapisan keselamatan sebelum dihantar untuk mengikuti kursus asas. Bagi pengawal yang telah lulus tapisan keselamatan serta mengikuti Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 1 akan diberikan kad pengenalan pengawal yang perlu dipakai ketika bertugas.
  - 7.5 Pengawal keselamatan hendaklah mengikuti kursus asas pengawal keselamatan iaitu Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 1, dalam tempoh 3 bulan setelah pengawal diambil bekerja.
  - 7.6 Pengawal keselamatan yang akan dan sedang bertugas sebagai pengawal Cash In Transit (CIT) dikehendaki mengikuti Kursus Kemahiran Cash In Transit. Ini ekoran insiden rompakan CIT yang berlaku dan kursus ini akan melengkapkan pengawal keselamatan dengan kemahiran-kemahiran yang secukupnya.
  - 7.7 Semua penyelia pengawal keselamatan yang dilantik oleh syarikat masing-masing dikehendaki menjalani Kursus Kemahiran Penyelia Keselamatan.
  - 7.8 Pengawal keselamatan Nepal dikehendaki menjalani Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal yang dianjurkan oleh Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia dan diluluskan oleh Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dalam tempoh 3 bulan setelah pengawal diambil bekerja.
8. Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 2 adalah kesinambungan dari Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Tahap 1 yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran pengawal keselamatan.

9. Kursus Kemahiran Pengawal Keselamatan Nepal yang akan dikendalikan dalam Bahasa Inggeris bertujuan untuk menambah kemahiran berkaitan kawalan keselamatan di samping untuk memberi pendedahan mengenai sosio budaya rakyat Malaysia.
10. Selain syarat-syarat dan peraturan yang dinyatakan, Kementerian ini akan meneliti dan mengkaji dari masa ke semasa perjalanan kegiatan dan modul setiap kursus bagi menentukan kualiti dan keberkesanan di tahap maksima. Oleh itu, jika timbul keperluan, Kementerian akan mengubahsuai dan/ atau menokok tambah mana-mana bahagian kursus supaya ianya menjadi lebih mantap dan menghasilkan yang terbaik.

## **TARIKH KUAT KUASA**

Surat Pekeliling Agensi Persendirian Bil. 1/2007 ini berkuat kuasa mulai 1 Mac 2007.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

**“KESELAMATAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menurut perintah,



**(TAN SRI ABDUL AZIZ B. MOHD. YUSOF)**

Ketua Setiausaha  
Kementerian Keselamatan Dalam Negeri

Tarikh : **8.2.2007** :

s.k. Persatuan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Malaysia (PPKKM)

Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)